

Program Peruncitan Bumiputera akan lahirkan 30,000 usahawan

Um - 6/4/2007
KUALA LUMPUR 5 April - Sebanyak 30,000 usahawan bumiputera bakal dilahirkan melalui Program Peruncitan Bumiputera yang akan berlangsung sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, program itu diwujudkan ekoran penyertaan bumiputera yang masih kebelakang dalam sektor peruncitan iaitu melibatkan sekitar RM40 bilion daripada jumlah jualan sebanyak RM206 bilion dua tahun lalu.

"Program ini merupakan proses membudayakan orang Melayu supaya berminat dalam peruncitan yang mudah, tidak memerlukan modal besar, boleh diusahakan secara berkeluarga dan boleh dibuka di mana-mana.

"Dalam keadaan sedemikian, proses memupuk anak-anak dengan sifat keusahawanan dapat dilakukan sejak kecil dan dapat menghindar mereka daripada terjebak dengan kegiatan tidak bermoral," katanya.

Semasa berucap pada majlis pelancaran program itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Mohamed Khaled memberitahu, Mara yang mengelolakan program itu bersama kementeriannya mengambil pendekatan berasaskan konsep usahawan membangunkan usahawan.

"Sebanyak 24 kelompok bidang perniagaan meliputi lapan kluster iaitu perabot, penjagaan kesihatan dan kecantikan, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan telekomunikasi, makanan dan minuman, elektrik dan elektronik, pakaian, automotif serta lain-lain perkhidmatan telah ditentukan," katanya.

Pemilihan, kata beliau, adalah berdasarkan kehadiran usahawan bumiputera yang telah berjaya dalam peruncitan dan dikenal pasti mempunyai kekuatan serta kecekapan.

"Hari ini seramai 43 usahawan dilantik sebagai tunggak dan saya mengucapkan terima kasih kerana mereka sanggup berkongsi kejayaan dan membuka peluang kepada orang lain untuk menyertai rangkaian niaga mereka," ujarnya.

Kata beliau, ia seterusnya akan dikembangkan kepada lebih 300 tunggak.

Beliau turut mengumumkan pelancaran skim mikro Bank Rakyat bagi membolehkan pinjaman sehingga RM50,000 untuk anggota koperasi yang ingin menyertai program tersebut.

"Yayasan Tekun Nasional juga akan meningkatkan pinjaman maksimum dari RM30,000 ke RM50,000," katanya.

DANA
BERSHIP
NDATION
YASAN
KEPIMPINAN
PERDANA